

BASIKAL

1.0 PERATURAN TEKNIKAL

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung di dalam peraturan am dan peraturan pertandingan ini, acara-acara yang dipertandingkan akan dijalankan mengikut peraturan-peraturan UCI (Union Cycliste Internationale) yang terkini.
- 1.2 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan di dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut :-
 - 1.2.1 Sebarang kejadian akan diputuskan berasaskan kepada **PERATURAN AM MASUM**.
 - 1.2.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan oleh **Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan MASUM**.
- 1.3 Semua keputusan yang dibuat oleh **Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan MASUM** adalah muktamad.
- 1.4 Bagi acara Cross Country Olympic (XCO) **Individu** lelaki dan wanita setiap pasukan dibenarkan mendaftarkan sekurang-kurangnya seorang peserta bagi setiap kategori.
- 1.5 Bagi acara Cross Country Olympic (XCO) **Berpasukan** lelaki dan wanita setiap pasukan dibenarkan mendaftarkan sekurang-kurangnya 3 peserta bagi setiap kategori yang layak untuk bertanding dalam kategori berpasukan.
- 1.6 Pemenang bagi acara Cross Country Olympic (XCO) Berpasukan akan ditentukan berdasarkan jumlah masa tersingkat 3 orang peserta pertama bagi setiap pasukan yang sampai ke garisan penamat.
- 1.7 Cross Country Time Trial (XCT) Individu setiap pasukan dibenarkan mendaftarkan sekurang-kurangnya seorang peserta lelaki dan seorang peserta wanita bagi setiap kategori.
- 1.8 Peserta yang sama akan bertanding dalam acara Cross Country Olympic (XCO) dan Cross Country Time Trial (XCT).

1.9 KRITERIA PERTANDINGAN


1.9.1 Cross Country Olympic (XCO)

1.9.1.1 Tempoh masa pertandingan bagi acara Cross country Olympic (XCO) lelaki & wanita adalah 1 Jam 30 Minit.

1.9.1.2 Jarak litar antara 4 hingga 6 kilometer satu pusingan dan peserta dikehendaki melengkapkan bilangan pusingan yang telah ditetapkan bagi layak memenangi pertandingan di mana peserta-peserta yang telah di overlap akan dikeluarkan mengikut arahan komisar.

1.9.1.3 Jumlah pusingan litar akan ditentukan berdasarkan masa pemenang acara Cross Country Time Trial (XCT).

1.9.1.4 Simbol arahan adalah seperti berikut :-



1.9.1.5 Penyediaan zon bantuan teknikal dan sajian dengan jarak yang sesuai di tempatkan pada permukaan laluan mendatar atau mendaki dalam litar.

1.9.1.6 Bantuan teknikal dan sajian hanya boleh diberi di dalam kawasan atau zon yang telah ditetapkan sahaja.

1.9.1.7 Peserta tidak dibenarkan berpatah balik menyongsang laluan pertandingan untuk mendapatkan bantuan teknikal dan sajian.

1.9.1.8 Hanya pegawai pasukan sahaja boleh berada di zon bantuan teknikal dan sajian dan zon ini hendaklah diasingkan dari penonton.

- 1.9.1.9 Pertandingan hendaklah dimulakan dalam satu kumpulan.
- 1.9.1.10 Hanya peserta dan pegawai pasukan sahaja yang dibenarkan berada di dalam litar semasa latihan penyesuaian litar yang rasmi dan pertandingan dijalankan.

1.9.2 Cross Country Time Trial (XCT)

- 1.9.2.1 Jarak pertandingan adalah di antara 4 hingga 25 kilometer.
- 1.9.2.2 Pertandingan hendaklah dijalankan disecara ujian masa perseorangan.

2.0 PERATURAN PERTANDINGAN

- 2.1 Hanya peserta yang berdaftar sahaja yang dibenarkan berkayuh di litar pertandingan semasa latihan penyesuaian litar dan semasa pertandingan.
- 2.2 Ketua Komisar boleh membatalkan pertandingan disebabkan cuaca yang buruk setelah berbincang dengan pihak penganjur dan Technical Delegate.
- 2.3 Latihan penyesuaian litar yang rasmi hendaklah dijalankan sekurang-kurangnya 24 jam sebelum pertandingan.
- 2.4 Pengurus Pasukan atau wakil perlu menghadiri Mesyuarat Pengurus Pasukan di mana kad akreditasi dan jersey akan diperiksa. Nombor pelumba diagihkan dan lain-lain perkara yang berkaitan dengan pertandingan dibincangkan.
- 2.5 Pengurus Pasukan atau wakil perlu mengemukakan senarai nama terkini peserta yang akan bertanding di dalam Mesyuarat Pengurus Pasukan.
- 2.6 Kelayakan peserta adalah sebagaimana Peraturan Am MASUM.
- 2.7 Nombor pelumba hendaklah dipasang di handle bar basikal dan di belakang badan peserta dan peserta dikehendaki menamatkan perlumbaan dengan menggunakan basikal serta nombor handle bar yang sama.
- 2.8 Peserta hendaklah memakai jersey pasukan masing-masing yang seragam.
- 2.9 Hanya basikal bukit dengan saiz roda 26", 27.5" dan 29" dibenarkan untuk

digunakan dalam pertandingan.

- 2.10** Peserta wajib memakai topi keledar.
- 2.11** Peserta wajib menandatangani senarai nama kehadiran di tempat permulaan pertandingan.
- 2.12** Susunan peserta semasa permulaan pertandingan Cross Country Olympic (XCO) adalah mengikut keputusan senarai pemenang acara Cross Country Time Trial XCT.
- 2.13** Susunan peserta semasa permulaan pertandingan acara Cross Country Time Trial XCT adalah berdasarkan undian.
- 2.14** Peserta akan dipanggil berada di tempat permulaan pertandingan sekurang-kurangnya 20 minit sebelum acara bermula di mana pengumuman dibuat lagi 5 minit, 3 minit, 2 minit, 1 minit, 30 saat dan 15 saat sebelum peserta dilepaskan.
- 2.15** Satu taklimat pertandingan akan diberikan kepada peserta sebelum pertandingan dimulakan.
- 2.16** Bagi acara Cross Country Olympic (XCO) peserta akan dilepaskan sekali di mana pemenang akan ditentukan berdasarkan peserta yang sampai ke garisan penamat terlebih dahulu.
- 2.17** Bagi menentukan pemenang berpasukan akan ditentukan berdasarkan jumlah masa tersingkat 3 peserta terbaik dari pasukan tersebut.
- 2.18** Bagi acara Cross Country Time Trial (XCT) peserta akan dilepaskan seorang demi seorang berdasarkan undian di mana pemenang akan ditentukan berdasarkan peserta yang mencatatkan masa yang tersingkat.
- 2.19** Peserta perlu bertanding dengan semangat kesukanan dan tidak menghalang peserta lain yang ingin mendahului.
- 2.20** Peserta hanya dibenarkan bertanding di laluan litar yang telah ditentukan.
- 2.21** Jika peserta tersasar dari litar pertandingan, peserta tersebut perlu memasuki semula litar pertandingan di mana tempat dia tersasar.
- 2.22** Peserta yang telah di over lap dan peserta yang masanya 80% lebih

PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

Bersatu Kearah Kegemilangan Sukan Universiti



perlahan dari pendahulu pertandingan semasa hendaklah dikeluarkan dari perlumbaan dengan arahan komisar.

- 2.23** Bantuan teknikal memperbaiki semua kerosakan basikal selain dari menukar rangka basikal dari pegawai pasukan hanya boleh di buat dalam zon bantuan teknikal dan sajian sahaja.
- 2.24** Petugas pasukan tidak dibenarkan berlari beriring atau menolak peserta semasa pertandingan.
- 2.25** Peserta atau dengan bantuan rakan sepasukan boleh membawa peralatan dan membaiki basikal di luar zon bantuan teknikal sepanjang perlumbaan.
- 2.26** Penukaran basikal adalah dilarang.
- 2.27** Peserta hendaklah menjaga dan tidak mencemarkan alam sekitar.
- 2.28** Peserta tidak dibenarkan menggunakan apa-apa alat komunikasi.
- 2.29** Tidak dibenarkan menggunakan tayar yang dipasang dengan spike besi atau seumpamanya.
- 2.30** Menyiram air kepada peserta di sepanjang perlumbaan adalah dilarang.
- 2.31** Pastikan tiada apa-apa halangan yang boleh menyebabkan kemalangan di tempat permulaan dan penamat pertandingan.

3.0 RINGKASAN PENYERTAAN

3.1.1 ACARA, KATEGORI DAN PINGAT YANG DIPERTANDINGKAN

Acara dan kategori pertandingan adalah seperti jadual berikut :-

BIL.	ACARA	KATEGORI	JUMLAH PESERTA	PINGAT		
				E	P	G
1	Cross Country Olympic (XCO) Individu	Lelaki	4	1	1	1
2	Cross Country Olympic (XCO) Berpasukan	Lelaki	4	1(4)	1(4)	1(4)
3	Cross Country Olympic (XCO) Individu	Wanita	4	1	1	1
4	Cross Country Olympic (XCO) Berpasukan	Wanita	4	1(4)	1(4)	1(4)
5	Cross Country Time Trial (XCT) Individu	Lelaki	2	1	1	1
6	Cross Country Time Trial (XCT) Individu	Wanita	2	1	1	1

3.2 PENDAFTARAN PASUKAN

3.1.1 Setiap IPT dibenar mendaftarkan maksima 8 orang peserta dan 4 orang pegawai seperti berikut :-

BIL	PASUKAN	LELAKI	WANITA
1	Pengurus	1	1
2	Jurulatih	1	1
3	Pelumba lelaki	4	-
4	Pelumba wanita	-	4